



DRAF TEKS UCAPAN
YBHG. DATO' DR MOHD ALI MOHAMAD NOR
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA

SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN
“TAKLIMAT KESEDARAN PENCEGAHAN JENAYAH SIBER
DAN ANTIPEMERDAGANGAN ORANG”

Bertempat di:
DEWAN SERBAGUNA, ARAS 1,
KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA,
PUTRAJAYA

Pada
7 MAC 2019 (KHAMIS)

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera

YBrs. Tuan Shakib Bin Shakir
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar)

YBrs. Tuan Tan Chuan Ou
Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi)

YBhg Dato' Samsuni Mohd Nor,
Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan)

YBhg. Dato' Sri / Datuk / Dato'
Ketua-ketua Jabatan dan Agensi di bawah KKMM

Pegawai-pegawai Kanan,

Para *Key Communicators* KKMM

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian

1. Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T. di atas limpah dan kurnia-NYA dapat kita bersama-sama berkumpul dalam Program Taklimat Kesedaran Pencegahan Jenayah Siber Dan AntiPemerdagangan Orang pada pagi yang berbahagia ini.
2. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua **key communicators** daripada jabatan dan agensi di bawah KKMM yang datang dari segenap pelosok negeri bagi menghadiri majlis taklimat yang pertama anjuran KKMM pada tahun ini. Majlis taklimat yang dirangkumkan sebagai program taklimat dua dalam satu yang menyaksikan KKMM menjadi Pengerusi Jawatankuasa Promosi dan Publisiti untuk kedua-dua kempen ini.
3. Ini menunjukkan semangat dan komitmen yang tinggi daripada tuan-tuan dan puan-puan untuk sama-sama membanteras kesalahan-kesalahan jenayah siber dan pemerdagangan orang yang berlaku di sekeliling kita. Saya amat berharap taklimat ini dapat memberi penjelasan dan kefahaman yang jitu kepada para peserta program agar dapat menyebarkan isu ini secara menyeluruh, padu serta berkesan kepada seluruh masyarakat di dalam negara Malaysia yang tercinta ini agar bebas dari terjebak ke dalam kedua-dua jenayah ini.

Latar Belakang Usaha Membanteras Jenayah Siber

4. Untuk makluman semua, usaha untuk menangani jenayah siber ini bertitik tolak dari pengumuman YB Tuan Gobind Singh Deo, Menteri Komunikasi Dan Multimedia pada 3 Oktober 2018 yang bertekad untuk membanteras dan memerangi jenayah siber susulan kebimbangan peningkatan jumlah jenayah siber dalam pelbagai cara. Antaranya meliputi penipuan dalam talian, penipuan kad kredit, kecurian identiti dan pencerobohan data. Jenayah siber ini merupakan ancaman serius kepada rakyat kerana penipuan ini mengakibatkan kehilangan ratusan ribu ringgit yang merupakan hasil titik peluh mangsa.

Data Statistik Kes Penipuan Jenayah Siber

5. Menurut data Jabatan Siasatan Jenayah (CCID), terdapat sejumlah 10,203 kes-kes penipuan telah dilaporkan pada 2017 manakala sejumlah 8,313 kes dilaporkan sehingga 3 Oktober 2018. Empat penipuan yang paling banyak dan ketara kini ialah penipuan telekomunikasi (termasuk **Macau Scam**), pinjaman tak wujud, 419 Scam dan Penipuan yang berkaitan dengan pembelian dalam talian. Dalam tahun 2018 sahaja kes Tipu Panggilan (**Telecommunication Fraud**) bagi tahun 2018 adalah sejumlah 3816 kes dengan jumlah wang yang terlibat ialah RM 162,625,321.90 berbanding dengan 2912 kes pada tahun 2017 melibatkan RM65,458,277.00.
6. Sementara itu bagi kes Pinjaman Tak Wujud (**E-Financial Fraud**) telah mencatatkan penurunan pada tahun 2018 kepada 286 kes berbanding 513 pada tahun 2017 tapi malangnya jumlah wang yang terlibat menunjukkan peningkatan iaitu RM37,283,986.11 berbanding RM32,186,648.00 pada tahun 2017.
7. Bagi kes **419 Scam (African Scam)** sebanyak 1398 kes dicatatkan yang menunjukkan terdapat penurunan namun masih merekodkan peningkatan jumlah wang yang besar iaitu RM80,086,530.15 untuk tahun 2018 berbanding 1774 kes melibatkan RM67,199,064.00 pada tahun 2017.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian

8. Jabatan Siasatan Jenayah (CCID) juga telah mengesan bagi kes Belian Online (**E-Commerce**) yang mencatatkan sejumlah penurunan kes iaitu 2813 bagi tahun 2018 dengan nilai sebanyak RM19,562,025.09 berbanding 5004 pada tahun 2017 dengan nilai sebanyak RM19,312,788.00.

Objektif Kempen Kesedaran Pencegahan Jenayah Siber

9. Program taklimat ini adalah merupakan salah satu daripada komitmen KKMM dalam melaksanakan tindakan dan agenda promosi dan publisiti bagi meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai jenayah telekomunikasi. Kempen ini juga adalah untuk memberi pendidikan kepada orang ramai cara-cara mengelak dan melindungi diri daripada menjadi mangsa jenayah telekomunikasi sekaligus membanteras jenayah ini. Selain itu kempen ini juga mempunyai objektif untuk meningkatkan jaringan kerjasama strategic dan bersepadu semua pihak yang berkaitan dalam usaha mencegah dan mendidik orang ramai bagi membasmi jenayah telekomunikasi.

Tuan-tuan dan Puan-puan sidang hadirin sekalian,

Kumpulan Sasar Kempen Kesedaran Jenayah Siber Dan Rakan Strategik

10. Bagi kempen menangani jenayah siber ini, KKMM telah meletakkan enam kumpulan sasaran yang perlu didekati dan diberi penerangan tentang kempen ini iaitu pesara, golongan pertengahan, wanita bekerjaya, pelajar sekolah menengah, pelajar institut pengajian tinggi dan kolej.
11. Bagi menjamin keberkesanan kempen, KKMM telah menjalin kerjasama erat dengan rakan strategik yang terdiri dari media, Polis DiRaja Malaysia (PDRM), agensi dan jabatan di bawah KKMM seperti Jabatan Penyiaran, Jabatan Penerangan, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, FINAS, dan BERNAMA. Selain itu Bank Negara Malaysia juga terlibat sebagai rakan strategik di samping badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan kumpulan pemimpin masyarakat.
12. Bagi kempen menangani Jenayah Siber ini, sebanyak tiga (3) terma kempen telah dipersetujui dan digunapakai iaitu JENAYAH SIBER, TIPU PANGGILAN

dan *LOVE SCAM* sementara dua (2) *hashtag* telah digunakan sebagai peringatan untuk seluruh masyarakat ialah **#ScamAlert** dan **#Jangan Terpedaya**.

13. Untuk makluman sidang hadirin sekalian, KKMM telah memutuskan untuk melaksanakan kempen ini sehingga 31 Disember 2019.
14. Bermula Bulan Oktober tahun 2018, KKMM telah bertindak menubuhkan Jawatankuasa Kerja Promosi Dan Publisiti Kempen Kesedaran dan Pencegahan Jenayah Siber dengan melaksanakan gerak kerja bersepadu yang berjaya menguruskan promosi dan publisiti secara agresif. Sejak bermulanya kempen ini KKMM telah melaksanakan iaitu 11 slot temubual di media elektronik iaitu 7 di TV dan 4 di radio, 8 video promo, 24 infografik, 4 teks hebahan radio dan rerayap di TV dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, 30,000 cetakan poster dan 250 keping paparan poster di 42 Hentian Rehat / Tol bagi lima lebuh raya. Lebuh raya tersebut ialah MEX, PLUS, LDP, KESAS dan Lebuh raya Pantai Timur dan Karak. Selain itu, sebanyak lapan promo di media cetak telah diterbitkan, di samping dua taklimat telah dilaksanakan masing-masing satu taklimat kepada pegawai penerangan negeri dan kepada pegawai perhubungan awam.

Latar Belakang Kempen AntiPemerdagangan Orang

15. Manakala untuk Kempen Anti Pemerdagangan Orang pula, KKMM telah terlibat dengan kempen ini sejak tahun 2007 lagi. Antara objektif kempen ini adalah untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan orang ramai tentang isu pemerdagangan orang.
16. Selain itu, kempen ini juga adalah untuk menyelaraskan penyampaian dan penyaluran maklumat dalam pelbagai bentuk dan saluran kepada orang awam. Kempen ini juga adalah bertujuan untuk mewujudkan strategi bersepadu dalam pelaksanaan aktiviti publisiti dan promosi dengan melibatkan kerjasama agensi, persatuan, badan-badan bukan kerajaan di

semua peringkat dalam usaha membanteras kegiatan pemerdagangan orang.

Fungsi Jawatankuasa Media dan Publisiti Kempen Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO)

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

17. Fungsi Jawatankuasa Media dan Publisiti Kempen Anti Pemerdagangan Orang Dan Antipenyeludupan Migran (MAPO) adalah sebagai platform menyelaraskan aktiviti publisiti dan promosi MAPO secara bersepadu, berkongsi maklumat dan pengukuhan bersama.
18. Antara fungsi utama adalah memupuk kesedaran awam mengenai isu pemerdagangan orang melalui media elektronik, media cetak, komunikasi bersemuka, komunikasi visual dan komunikasi melalui media sosial.
19. Justeru itu jawatankuasa ini adalah bertanggungjawab untuk membuat hebahan dan promosi berterusan bagi meningkatkan kefahaman awam tentang jenayah pemerdagangan orang, jenayah penyeludupan migran, pengabdian domestik secara paksa serta kesalahan-kesalahan lain di bawah Akta Anti Pemerdagangan Orang 2007 (Pindaan 2015).
20. Maka dengan itu, saya amat menyokong penuh tindakan proaktif oleh pelbagai pihak dalam menjayakan kempen ini secara berterusan. Kerjasama ini sangat penting memandangkan kedua-dua jenayah ini menunjukkan trend yang semakin meningkat dan membimbangkan.

21. Kesedaran dan tindakan bersama oleh semua pihak amat penting dan bertepatan sebagai langkah utama dalam menangani dan membanteras kedua-dua jenayah ini dengan lebih berkesan dan bersepadu.

Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

22. Seajar dengan itu, hari ini saya sebagai Ketua Setiausaha KKMM ingin menyatakan komitmen padu kementerian ini untuk bersama-sama membanteras kedua-dua jenayah ini sampai ke akar umbi. Oleh itu, tuan-tuan dan puan-puan sekalian sebagai **key communicators** harus melihat isu ini dengan penuh keseriusan dan menanam iltizam untuk menangani jenayah yang ternyata menggugat keselamatan rakyat Malaysia. Ke arah itu, peranan tuan-tuan dan puan-puan yang paling utama ialah untuk:
 - i) Memberi penerangan dan kefahaman yang berterusan kepada setiap lapisan rakyat tidak mengira umur, bangsa dan kedudukan; dan
 - ii) Sentiasa peka dan prihatin terhadap “jenayah kejam dan zalim” ini yang berlaku dalam kalangan masyarakat kita.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Cabaran Baru

23. Dalam aspek cabaran baru, tidak dapat dinafikan bahawa kecanggihan teknologi komunikasi masa kini telah merubah lanskap penyampaian maklumat dalam kehidupan manusia. Justeru itu, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) memainkan peranan penting dalam menangani segala bentuk cabaran baru ini dengan:
 - i) Memupuk kesedaran dalam kalangan masyarakat mengenai aspek keselamatan ketika melayari internet;

- ii) Menggalakkan kawal selia sendiri melalui penggunaan perisian kawalan oleh ibu bapa; dan
- iii) Melaksanakan tindakan penguatkuasaan yang lebih ketat.

Langkah Seterusnya Dan Peranan KKMM, Jabatan Dan Agensi

- 24. Sebagai langkah seterusnya, KKMM bersama-sama jabatan dan agensi di bawahnya akan sentiasa melipat gandakan kerjasama dengan kementerian dan agensi-agensi yang berkaitan bagi memastikan langkah-langkah pendidikan dan intervensi yang lebih berkesan dilaksanakan supaya isu ini dapat ditangani secara holistik dan kolektif. Saya amat yakin dan optimis tuan-tuan dan puan-puan akan menjalankan tanggungjawab ini dengan sebaik mungkin demi kepentingan anak-anak kita, bangsa kita dan negara kita.
- 25. Bertolak daripada program taklimat ini, sebagaimana saya katakan di awal tadi, saya amat berharap Jabatan dan Agensi di bawah KKMM akan melaksanakan program-program penjelasan mengenai kedua-dua jenayah ini di peringkat negeri dan daerah bagi memberi kesedaran dan kefahaman kepada orang ramai tentang isu ini dan bersama-sama berganding bahu membanteras jenayah ini.
- 26. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merayu kepada ibu bapa dan orang ramai terutamanya agar sentiasa memantau pergerakan anak-anak dan anggota keluarga mengenai aktiviti mereka termasuk mengawal penggunaan internet agar mereka tidak mudah terpengaruh dan terjebak serta menjadi mangsa. Saya juga berharap agar semua pihak dapat bersama-sama memberi komitmen padu dengan pihak Kerajaan dalam usaha mencegah, mendidik dan membanteras kedua-dua jenayah ini.

Kesimpulan

27. Akhir kata saya amat berharap semua peserta dapat memanfaatkan peluang menerusi taklimat ini untuk memperoleh sebanyak mana ilmu pengetahuan dan isu-isu semasa berkaitan

dengan kesedaran pencegahan jenayah siber dan anti pemerdagangan orang agar anak-anak kita, keluarga , masyarakat kita semua dapat meneruskan kehidupan di dalam suasana yang selamat, aman, sejahtera dan juga harmoni, InsyaAllah.

28. Dengan lafaz BISMILLAHIRAHMANIRRAHIM, saya dengan penuh sukacitanya merasmikan program Taklimat Kesedaran Pencegahan Jenayah Siber Dan AntiPemerdagangan Orang pada pagi ini.

Wabillahi Taufik WalHidayah. Wassalamualaikum Warrahmatullahi wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.